

C. Baca ayat-ayat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, bina **ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul. Penggunaan kata tanya hendaklah bersesuaian dengan **perkataan** atau **rangkai kata** yang bergaris.

1 Majlis hari lahir Avinash akan diadakan pada hari Ahad nanti.

2 Mereka berlatih silat di halaman rumah Pak Majid.

3 Cikgu Rafi merupakan guru kaunseling di sekolah Nayla.

4 Jumlah pekerja asing di kilang papan itu ialah 20 orang.

5 Mangsa kemalangan itu mengalami kecederaan yang serius.

6 Kak Sarah pulang lewat ke rumah kerana terperangkap dalam kesesakan lalu lintas.

D. Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah ini supaya menjadi **satu** ayat majmuk.

1 Karmila membaca majalah.
Karmila mengunyah gula-gula getah.

2 Li Jun tidak dapat menghadiri latihan sukan.
Li Jun sakit perut.

3 Parvani yakin.
Amsyar tidak terlibat dalam pergaduhan itu.

4 Haikal suka makan kuih seri muka.
Uwais suka makan kuih pulut panggang.